

UniMAP MENERAJUI SEKRETARIAT MAJLIS KEBUDAYAAN UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA(MAKUM) BENGKEL PEMANTAPAN AHLI MAKUM

Oleh : Mashitoh Abu



3 Jan 2009 Anugerah Seni MAKUM 2009 yang diadakan di The Puteri Pacific, Johor Bahru, Johor telah menyaksikan bahawa UniMAP akan memegang Sekretariat Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) bagi sesi 2009/2010. Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor UniMAP telah memegang amanah sebagai Pengerusi MAKUM 2009/2010 bagi menggantikan Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Amir Hashim bin Mohd Kassim, TNC HEPA Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Giliran Pengerusi MAKUM ini di buat silih berganti di antara IPTA Malaysia dua tahun sekali. Dalam ucapan Y. Bhg. Dato' di dalam majlis tersebut beliau akan membawa MAKUM ke peringkat antarabangsa dan akan menjadikan aktiviti kebudayaan adalah salah satu aktiviti utama di peringkat IPTA.

Langkah awal UniMAP sebagai Sekretariat MAKUM 2009/2010 UniMAP telah mengadakan lawatan kerja MAKUM ke Prince Of Songkhla University (PSU), Hadyai, Thailand. Lawatan tersebut diadakan bersempena Mesyuarat MAKUM kali ke 62 Bil. 1/2009. Semasa di PSU, para peserta telah didedahkan dengan kebudayaan dan cara hidup masyarakat Siam oleh Mrs. Ampron, Pengarah Pusat Kebudayaan PSU. Pada malam harinya telah diadakan Perlawanan Bowling Persahabatan di antara Pegawai-pegawai MAKUM bersama-sama Pengerusi MAKUM iaitu Dato' Naib Canselor UniMAP.

Selain itu, UniMAP sebagai Sekretariat MAKUM telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik MAKUM pada 3 hingga 5 Mac 2009 bertempat di Anjung, Kuala Lumpur. Terdapat 18 buah universiti tempatan telah menyertai bengkel tersebut. Objektif bengkel ini adalah untuk memurnikan Visi dan Misi MAKUM (yang telah dibincangkan dalam Bengkel Khas MAKUM pada 6 Februari 2009) dan penghasilan Learning Output (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) dalam penghasilan kertas cadangan program-program kebudayaan anjuran MAKUM. Bengkel ini dilaksanakan dengan sukses oleh En. Razli bin Ahmad (Dekan JHEPA UniMAP) selaku fasilitator. Secara keseluruhannya perjalanan bengkel berjalan dengan baik. Para peserta Bengkel telah didedahkan mengenai penggunaan LOKI dalam penyediaan kertas kerja program-program kebudayaan universiti bagi mengukur sejauh mana sesuatu program atau aktiviti yang dijalankan itu dapat memberikan manfaat kepada para pelajar.

Sekretariat MAKUM juga telah menganjurkan Bengkel Festival Kebudayaan MAKUM (FESKUM) yang diadakan pada 10 hingga 12 April 2009 bertempat di Hotel Langkawi Seaview, Pulau Langkawi. Bengkel ini disertai oleh 18 buah universiti tempatan di mana setiap universiti diwakili 2 orang pegawai. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk penyediaan kertas kerja penganjuran Festival Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESKUM) yang akan dilaksanakan oleh Majlis Kebudayaan Universiti - Universiti Malaysia (MAKUM) setiap tahun. Bengkel ini dikendalikan oleh Encik Ismail Ahmed (Pegawai Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia, USIM). Pada sesi akhir bengkel ini, satu kata sepakat dan sebuah kertas kerja lengkap berjaya dihasilkan oleh gabungan idea dan pendapat para peserta iaitu Kertas Kerja Penganjuran FESKUM 2009.